

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA  
[ TENGGARA ]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah alasan daripada pihak Kementerian dalam melantik 13 orang Pegawai Penyelaras Pembangunan Sukan KBS (Negeri) di setiap negeri dan apakah peranan yang akan dilakukan oleh kesemua pegawai tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sukan Prestasi Tinggi dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negeri di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri selain peruntukan geran tahunan yang disalurkan melalui Majlis Sukan Negara (MSN) bagi melaksanakan program-program pembangunan sukan di peringkat negeri. Sebelum ini, MSN telah menubuhkan Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri (USPTN) pada 1 Mei 2008 dan melantik di antara lima (5) hingga tujuh (7) pegawai serta anggota sokongan di setiap negeri bertujuan untuk menyelaraskan program-program sukan dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri-Negeri. Sebagai langkah penjimatan, USPTN telah ditutup pada akhir tahun 2018 kerana kos pengurusan yang tinggi.

2. Bagi memastikan Program Pelapis Negeri MSN dilaksanakan mengikut piawaian dan tatacara yang telah ditetapkan, MSN telah melantik Pegawai Penyelaras Pembangunan Sukan Negeri. Mereka juga dipertanggungjawabkan untuk memberi cadangan penambahbaikan program-program sukan yang dilaksanakan di peringkat negeri. Pegawai-pegawai ini telah ditempatkan di Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBSN) untuk urusan pentadbiran dan bergerak secara aktif bagi pelaksanaan tugas masing-masing.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai ini juga bertanggungjawab untuk membantu merangka dan melaksanakan Program Pembangunan Sukan bersama dengan JBSN dan selainnya.

Sekian terima kasih.